

Risiko-Risiko Pelaburan untuk Dana PRU/link

1) Risiko Pasaran

Risiko ini merujuk kepada perubahan dan perkembangan dalam pengawalan, politik dan ekonomi sesebuah negara. Walau bagaimanapun, ciri semula jadi pelaburan dalam dana membantu mengurangkan risiko tersebut kerana dana secara umumnya memegang portfolio sekuriti yang pelbagai dari sektor pasaran yang berbeza. Oleh itu kejatuhan mana-mana sekuriti atau sektor pasaran tidak akan memberikan impak yang terlalu besar kepada nilai dana.

2) Risiko Kecairan

Kecairan merujuk kepada kemudahan untuk menukar pelaburan kepada tunai tanpa melibatkan kehilangan nilai yang terlalu signifikan. Jika dana mempunyai portfolio saham yang dikeluarkan oleh syarikat yang kecil dengan jumlah besar, secara relatifnya ciri kecairan saham yang rendah boleh menyebabkan nilai dana menurun; ini adalah kerana secara umumnya pembeli yang bersedia untuk membeli saham seperti ini adalah kurang berbanding dengan saham syarikat yang lebih besar dan terkenal. Risiko ini ditangani dengan memberi tumpuan kepada pemilihan dan kepelbagaian saham.

(Khas untuk **PRU/link dana urus II** dan **PRU/link dana aman**)

Sekiranya wujud perkembangan negatif pada mana-mana penerbit, ini akan meningkatkan risiko kecairan sekuriti tersebut. Ini adalah kerana secara umumnya pembeli yang bersedia untuk membeli sekuriti seperti ini adalah kurang kerana kebimbangan atas kegagalan kredit meningkat. Risiko ini ditangani dengan memberi tumpuan kepada pemilihan dan kepelbagaian saham.

3) Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko umum yang mempengaruhi dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang dibenarkan mengikut mandat. Ini adalah kerana kadar faedah yang tinggi akan mempengaruhi keuntungan korporat dan ini akan memberi impak kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang.

(Khas untuk **PRU/link dana urus II**)

Risiko ini kritikal dalam dana sukuk kerana pengurusan portfolio sukuk bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga-harga sukuk bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah. Oleh itu, apabila kadar faedah meningkat, harga sukuk menurun dan begitulah sebaliknya. Tambahan pula, sukuk dengan tarikh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

(Khas untuk **PRU/link dana aman**)

Risiko ini juga kritikal dalam dana sukuk kerana pengurusan portfolio sukuk bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga-harga sukuk bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah. Oleh itu, apabila kadar faedah meningkat, harga sukuk menurun dan begitulah sebaliknya. Tambahan pula, sukuk dengan tarikh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah. Untuk menghadapi risiko kadar faedah, kami akan mempelbagaikan portfolio Dana dalam Sukuk dengan tarikh kematangan yang berlainan.

4) Risiko Saham/Penerbit (PRU/link dana urus II), Risiko Saham (PRU/link dana unggul), Risiko Penerbit (PRU/link dana aman)

Risiko ini merujuk kepada risiko individu setiap syarikat yang menerbitkan sekuriti. Risiko spesifik termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perubahan cita rasa dan permintaan pengguna, saman perundangan, persekitaran operasi yang kompetitif, perubahan suasana industri, dan kesilapan dan kecauaian pengurusan. Walau bagaimanapun, risiko ini diminimumkan dengan melabur dalam pelbagai syarikat dari sektor yang berbeza, justeru berfungsi secara bebas antara satu sama lain.

5) Risiko Negara

Risiko ini merujuk kepada perubahan dan perkembangan dalam pengawalan, politik dan ekonomi sesebuah negara. Pelaburan mungkin terjejas oleh keseimbangan dalam negara di mana pelaburan dilakukan seperti perkembangan politik domestik, sekatan ke atas pelaburan asing dan penghantaran wang balik ke negara pelabur, perubahan dalam polisi kerajaan, perubahan dalam percukaian dan lain-lain perkembangan dalam perundangan dan pengawalan. Selain itu, kurangnya maklumat umum, infrastruktur perundangan dan ketiadaan piawaian perakaunan, audit dan laporan kewangan yang seragam dan lain-lain amalan dan peruntukan pengawalan mungkin mengurangkan kemampuan untuk melindungi pelabur. Sesetengah sekuriti mungkin dikenakan cukai kerajaan atau melibatkan perbelanjaan perlindungan yang lebih tinggi yang boleh mengurangkan hasil sekuriti tersebut.

6) Risiko Tiada-Pematuhan

Tiada pematuhan kepada undang-undang, peraturan, pengawalan, tetapan amalan, polisi dan prosedur dalaman boleh menjejaskan reputasi, peluang perniagaan yang terhad dan pengurangan potensi pengembangan syarikat pengurusan. Matlamat pelaburan para pelabur juga akan terjejas sekiranya pengurus dana tidak mematuhi mandat pelaburan. Risiko sedemikian dikurangkan melalui unit pematuhan syarikat pengurusan, yang menyelia keseluruhan urusan pematuhan syarikat pengurusan.

7) Risiko Penumpuan

Ini adalah risiko di mana dana menumpukan sebahagian besar asetnya dalam skop pilihan pelaburan yang kecil. Sebarang kejatuhan harga dalam ekuiti dan/atau pendapatan tetap pelaburan tertentu akan memberi impak yang besar kepada dana dan seterusnya menyebabkan kerugian yang besar. Risiko ini boleh diminimumkan oleh pengurus dengan melakukan analisa asas yang teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

8) Risiko Syarikat Pengurusan

Ada risiko kemungkinan syarikat pengurusan tidak mematuhi mandat pelaburan dana tertentu. Syarikat pengurusan mampu menguruskan risiko tersebut melalui pemantauan yang teliti oleh jawatankuasa pelaburan, sistem pengurusan dalaman dikenakan had dan kawalan, dan laporan yang tetap dibuat kepada pihak pengurusan atasan. Risiko juga dikurangkan melalui kewujudan pemegang amanah. Pengurusan dana yang lemah juga boleh menjejaskan pelaburan para pelabur melalui kehilangan modal yang dilabur dalam dana.

9) Risiko Inflasi

Risiko inflasi boleh didefinisikan sebagai potensi kerugian tersirat yang timbul akibat daripada peningkatan harga barangan dan perkhidmatan dalam suatu ekonomi bagi suatu tempoh masa. Inflasi menyebabkan penurunan kuasa beli dan jika kadar inflasi sentiasa lebih tinggi daripada kadar pulangan atas pelaburan, natijahnya, nilai sebenar pelaburan adalah negatif.

10) Risiko Pengurus Pelaburan

Pengurusan Dana yang lemah akibat daripada kekurangan pengalaman, pengetahuan, kepakaran dan teknik pengurusan yang lemah akan memberikan impak yang negatif ke atas prestasi Dana. Ini menyebabkan pelabur mengalami kerugian atas pelaburan dalam Dana.

11) Risiko Kredit / Kegagalan

Bon adalah terdedah kepada risiko kredit / kegagalan sekiranya penerbit instrumen tersebut menghadapi masalah kewangan, yang mana boleh mengurangkan nilai kredit mereka. Ini mungkin boleh menjurus kepada kegagalan pembayaran wang pokok dan faedah.

12) Risiko Pengkelasan-semula Status Syariah

Risiko kemungkinan pengkelasan-semula sekuriti yang mematuhi Syariah dalam portfolio dana berasaskan Syariah, kepada tidak mematuhi Syariah selepas semakan oleh Lembaga Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti yang dilakukan dua kali setahun. Jika ini terjadi, nilai dana mungkin akan terjejas di mana Pengurus akan mengambil langkah-langkah tertentu bagi menjual sekuriti tersebut selaras dengan nasihat Lembaga Penasihat Syariah.

Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.